

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]

SOALAN : Dato' Hasbullah bin Osman minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan adakah pihak
Kementerian bercadang untuk mengkaji
mekanisme-mekanisme bagi membantu
rakyat miskin di Malaysia dalam
mendapatkan beras ST 15 setelah subsidi
beras tersebut ditarik semula.

JAWAPAN

Di dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 Kerajaan telah memperkenalkan Program MyBeras iaitu bantuan 20kg beras kepada golongan miskin tegar. Ini merupakan langkah sementara bagi membantu mengurangkan beban golongan miskin tegar. Program yang akan bermula pada Mei 2016 ini akan melibatkan senarai miskin tegar yang berdaftar di dalam eKasih yang diselia oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bagi tujuan tersebut, beras yang akan diedarkan adalah beras super 5% yang bernilai RM25 sekampit, iaitu kualiti yang lebih baik berbanding ST15%. Para penerima akan dimaklumkan tempoh masa dan tempat pengambilan bantuan MyBeras melalui surat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), iaitu agensi pelaksana pengedaran MyBeras ke kumpulan sasar.

Penerima MyBeras yang tinggal di kawasan pedalaman akan diberi tunai berjumlah RM50 sebulan, iaitu setara dengan nilai 2 kampil MyBeras. Pemberian tunai digunapakai memandangkan kos penghantaran beras ke kawasan pedalaman adalah tinggi. Penerima tunai boleh membeli beras di kawasan mereka dengan menggunakan tunai yang disalurkan melalui akaun / wakil pengagihan.